

25 OCT 1999

Mahathir-BN

DR MAHATHIR MINTA BN HIDUPKAN JENTERA PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta semua parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya menghidupkan jentera pilihan raya umum tanpa menunggu hari penamaan calon.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata ini bermakna semua parti komponen BN perlu bekerjasama dalam menubuhkan satu bilik gerakan di tiap-tiap kawasan yang akan ditandingi.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN selama lebih dua jam di sini, Dr Mahathir juga berkata mesyuarat itu telah bersetuju supaya satu jawatankuasa manifesto BN ditubuhkan untuk menggubal manifesto BN.

Ia akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan akan disertai wakil-wakil parti komponen BN.

Mesyuarat hari ini juga bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa penerangan BN yang akan dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob untuk menerima segala soalan dan isu yang perlu diberi perhatian oleh BN.

BN dianggotai UMNO, MCA, MIC, Parti Gerakan, Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

Dr Mahathir berkata fokus manifesto BN ialah untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai perancangan BN demi masa depan negara.

"Kita akan cuba selesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan cuba memberi lebih banyak kemudahan untuk rakyat supaya negara kita ini mempunyai rakyat yang dapat hidup dengan sempurna, lebih tenteram, (dan) dengan pendapatan yang baik," katanya.

Ketika ditanya sama ada penubuhan Jawatankuasa Manifesto itu bermakna BN belum menyiapkan manifestonya, Dr Mahathir berkata: "Nampaknya begitulah."

Apabila ditanya bila jawatankuasa berkenaan dapat menyiapkan manifesto BN, beliau menjawab: "You (anda) nak tahu bila akan diadakan pilihan raya.

"Yang itu tengoklah, jika Datuk Seri Abdullah rajin, dia akan buat cepat sikit, kalau dia malas, lambat lagi," kata beliau secara berseloroh.

Ketika ditanya mengenai kehadiran beliau di mahkamah sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah tinggi pada perbicaraan liwat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata: "Jika undang-undang menghendaki saya hadir di mahkamah, saya akan hadir."

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 21 Okt telah mengarahkan Dr Mahathir supaya hadir pada hari Khamis untuk membolehkan pihak pembelaan menemuramah beliau sebelum memutuskan sama ada akan memanggilnya sebagai saksi mereka.

Ketika ditanya mengenai kesan dakwaan Anwar di mahkamah, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada kesan. Kesannya samalah dengan kes keracunan."

Beliau merujuk kepada dakwaan Anwar bahawa beliau (Anwar) keracunan arsenik tetapi selepas menjalani pemeriksaan di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia beliau didapati tidak mengalami keracunan arsenik akut atau kronik.

Anwar yang dipanggil membela diri, telah mendakwa bahawa beberapa menteri kabinet telah menyalahgunakan kedudukan tetapi tiada tindakan

dikenakan terhadap mereka.

Ketika ditanya mengenai dakwaan itu, Dr Mahathir berkata: "Buktikan dakwaan itu, tuduhlah kerajaan di mahkamah."

Dr Mahathir berkata: "Nampak dia (Anwar) mudah buat macam-macam tuduhan."

"Tetapi untuk membuktikannya adalah perkara lain. Dakwaan, siapapun boleh buat. Kitapun boleh buat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata "kita mempunyai bukti yang jelas bahawa Datuk Seri Anwar mempunyai banyak kroni dan kroni-kroninya semua kaya-kaya belaka.

"Dan kita tahu bahawa dia guna wang untuk sogok bahagian-bahagian (Umno) supaya dia dicalon untuk lawan dengan Tun Ghafar (Baba). Macam-macam lagi kita tahu penipuan yang dilakukan oleh Datuk Seri Anwar," kata Dr Mahathir.

"Dia cuba nafi, boleh dia cuba nafi," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri merujuk kepada pemilihan Umno pada 1993 apabila Anwar menang tanpa pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden parti setelah mendapat majoriti pencalonan daripada bahagian-bahagian Umno. Ghafar menarik diri daripada mempertahankan jawatan nombor dua itu.

Anwar dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept tahun lepas dan dipecat dari Umno sehari kemudian.

-- BERNAMA

ES NMO